

# PM raih pujian pemimpin dunia

BERITA HARIAN

30 JULI 2025

W/S:4

## Anwar sifatkan penghargaan iktiraf keupayaan diplomasi serantau Malaysia dukung keamanan ASEAN

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meraih pujian pemimpin dunia, susulan kejayaan sebagai pengantara mesyuarat yang membawa kepada gencatan senjata serta-merta tanpa syarat, seterusnya menamatkan perang lima hari di antara Thailand dan Kemboja, mulai tengah malam kelmarin.

Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Marco Rubio, berkata AS menyambut baik pengumuman gencatan senjata antara Kemboja dan Thailand yang diumumkan pada petang kelmarin.

“Kami berterima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia atas kepimpinan beliau dan kerana menjadi tuan rumah rundingan gencatan senjata ini.

“Presiden Donald Trump dan saya komited menghentikan keganasan serta-merta dan kami menjangkakan Kerajaan Kemboja dan Thailand akan menukai sepenuhnya komitmen mereka bagi menamatkan konflik ini,” katanya dalam kenya-

taan dikeluarkan Jabatan Negara AS, malam kelmarin.

Rubio turut menggesa Thailand dan Kemboja agar mematuhi sepenuhnya komitmen mereka untuk menamatkan konflik dan mengelakkan sebarang peningkatan ketegangan di kawasan sempadan dipertikaikan.

Pertemuan secara bersemuka di Putrajaya kelmarin adalah yang pertama membabitkan pemimpin utama Thailand dan Kemboja sejak ketegangan tercetus di antara kedua-dua negara jiran itu pada 24 Julai.

Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai, menghadiri mesyuarat khas selama dua jam setengah dipengerusikan Anwar bermula pada jam 3 petang.

Turut hadir ialah Duta AS ke Malaysia, Edgard Kagan dan Duta China ke Malaysia, Ouyang Yujing. AS bertindak sebagai penganjur bersama mesyuarat itu, manakala China hadir sebagai pemerhati bagi menyokong penyelesaian damai situasi yang sedang berlaku.

Kesatuan Eropah (EU) dalam reaksinya, memuji usaha Malaysia memudah cara perjanjian gencatan senjata di antara Kemboja dan Thailand, yang disifatkan sebagai kejayaan penting selepas pertempuran berdarah selama beberapa hari di sempadan kedua-dua negara.

Wakil Tinggi EU bagi Hal Ehwal Luar dan Dasar Keselamatan merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Kaja Kallas, berkata pelaksanaan gencatan senjata itu perlu dilakukan

“Kami berterima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia atas kepimpinan beliau dan kerana menjadi tuan rumah rundingan gencatan senjata ini”

Marco Rubio,  
Setiausaha Negara AS



dengan penuh keikhlasan oleh kedua-dua pihak.

“Saya berterima kasih kepada Malaysia selaku Pengerusi ASEAN kerana membantu memudahkan proses rundingan,” katanya menerusi hantaran di platform X.

Menteri Luar Australia, Penny Wong, memuji Anwar dan kepimpinan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN kerana berjaya memudahkan rundingan hingga membawa kepada pelaksanaan gencatan senjata.

“Australia mengalu-alukan persetujuan Kemboja dan Thailand untuk melaksanakan gencatan senjata serta-merta dan tanpa syarat.

“Kami menggesa kedua-dua pihak agar mematuhi dan berusaha ke arah penyelesaian yang berkekalan dan aman,” katanya menerusi platform X.

### Hargai kepimpinan Anwar

Kementerian Luar Perancis dalam kenyataannya, menyatakan penghargaan terhadap kepimpinan Anwar selaku Pengerusi ASEAN, selain menyeru pelak-

sanaan gencatan senjata secara berkesan.

“Perancis mengulangi komitmennya terhadap prinsip sentraliti ASEAN dan bersedia menyokong inisiatif diterajui demi penyelesaian jangka panjang berdasarkan undang-undang antarabangsa.

“Kemajuan penting ini mesti dijadikan asas penyelesaian jangka panjang melalui cara aman selaras dengan undang-undang antarabangsa,” katanya.

Canselor Jerman, Friedrich Merz, pula merakamkan penghargaan kepada Malaysia yang memainkan peranan aktif sebagai pemudah cara dalam usaha menyelesaikan konflik berdarah itu.

Penghargaan itu disampaikan Merz menerusi panggilan telefon kepada Anwar lewat petang kelmarin.

Jurucakap Kerajaan Jerman dalam kenyataannya, Stefan Kornelius, berkata Merz menekankan pentingnya usaha yang berterusan untuk meredakan ketegangan dan melihat Malaysia sebagai rakan strategik utama di

Asia Tenggara.

“Sebagai Pengerusi ASEAN ketika ini, Malaysia memainkan peranan penting dalam kestabilan serantau dan Jerman berhasrat untuk memperkukuh hubungan ekonomi dan politik dengan Malaysia,” katanya.

Mengulas penghargaan itu, Anwar menyifatkan ia sebagai pengiktirafan terhadap keupayaan diplomasi serantau dan komitmen Malaysia dalam mendukung keamanan serta kestabilan ASEAN.

“Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia kekal komited memperkukuh perpaduan dan kestabilan serantau melalui pendekatan diplomasi, dialog dan prinsip kemanusiaan,” katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan, Hun Manet menyifatkan gencatan senjata yang dicapai dengan Thailand itu sebagai ‘keputusan bijak’ dan merakamkan penghargaan kepada Anwar atas usaha menganjurkan rundingan damai di Putrajaya kelmarin.

“Satu keputusan mesyuarat yang bijak, dan saya berterima kasih kepada Anwar kerana mengambil inisiatif menyelaras dan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat ini.

“Saya percaya, gencatan senjata antara tentera Kemboja dan Thailand ini adalah asas utama membina kepercayaan bersama dan menambah baik keadaan ke arah pemulihan seperti sedia kala pada masa depan,” katanya menerusi Facebook sejurus tiba di Phnom Penh dari Kuala Lumpur petang kelmarin.